

BERITA HARIAN, JUMA'AT, 30 OKTOBER, 1981

## *J-kuasa Perhubungan UMNO diminta hadir*

IPOH, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu supaya sekurang-kurangnya seorang wakil dari Ahli Jawatankuasa Perhubungan UMNO Negeri ini menghadiri sebarang mesyuarat UMNO di bahagian atau cawangan parti itu.

Katanya, dengan cara demikian dapatlah ditinjau masalah yang dihadapi oleh bahagian atau cawangan.

Beliau yang juga Ketua Perhubungan UMNO Perak membuat arahan itu di perjumpaan dengan Ahli-ahli Jawatankuasa Perhubungan UMNO Negeri di rumah tetamu di sini malam tadi.

Seorang jurucakap berkata hari ini, Perdana Menteri memandang berat sebarang masalah yang dihadapi oleh parti dan mahu supaya ia segera diselesaikan. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia